

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Isnin, 8 November 2021



**JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**

**KENYATAAN MEDIA
INDEKS HARGA PENGELUAR PERKHIDMATAN MALAYSIA (IHPRP)
SUKU TAHUN KETIGA 2021**

**Indeks Harga Pengeluar Perkhidmatan meningkat 0.2%
pada Suku Tahun Ketiga 2021**

PUTRAJAYA, 8 November 2021 – Indeks Harga Pengeluar Perkhidmatan (IHPRP) mengukur purata perubahan harga perkhidmatan yang dikenakan oleh industri perkhidmatan tempatan di Malaysia meningkat 0.2 peratus kepada 110.5 berbanding 110.3 pada suku yang sama tahun sebelumnya. Menerusi laporan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia bagi **INDEKS HARGA PENGELUAR PERKHIDMATAN (IHPRP), SUKU TAHUN KETIGA 2021** hari ini.

Dalam satu kenyataan pada hari ini, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia berkata, "Subsektor utama yang menunjukkan peningkatan ialah Penginapan dan Aktiviti Perkhidmatan Makanan & Minuman (1.1%), Kesenian, Hiburan & Rekreasi (1.1%), Pendidikan (0.3%), Aktiviti Hartanah (0.2%) dan Kesihatan (0.2%). Bagaimanapun, indeks untuk subsektor Pengangkutan menunjukkan penurunan 1.0 peratus. Indeks Profesional dan Maklumat & Komunikasi kekal tidak berubah."

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan bahawa, "Bagi perbandingan suku tahun ke suku tahun, IHPRP meningkat kepada 0.2 peratus. Peningkatan ini disumbangkan

oleh dua subsektor iaitu Pengangkutan (0.3%) dan Penginapan dan Aktiviti Perkhidmatan Makanan & Minuman (0.1%). Indeks bagi Kesenian, Hiburan & Rekreasi menurun sebanyak 0.1 peratus manakala subsektor berikut kekal tidak berubah iaitu Maklumat & Komunikasi, Aktiviti Hartanah, Profesional, Pendidikan dan Kesihatan.”

Aktiviti Semakan Kualiti (QC) dan Penyiasatan Liputan Banci (PES) bagi Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci Malaysia 2020) sedang dilaksanakan sepanjang November dan Disember 2021. Semua penduduk Malaysia diseru untuk memberikan kerjasama dalam aktiviti yang dijalankan Banci Malaysia 2020. "Data Anda Masa Depan Kita". Sila layari portal Banci Malaysia 2020 di www.mycensus.gov.my atau media sosial @MyCensus2020 untuk maklumat lanjut.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Pengisytiharan ini telah mengiktiraf sumbangan ahli statistik dan profesion statistik di negara ini. Hari Statistik Negara ini juga boleh diraikan oleh agensi yang mengeluarkan statistik dan pengguna statistik serta pelbagai lapisan komuniti yang terdiri daripada agensi kerajaan, penyelidik, universiti dan sekolah serta masyarakat umum. Tema sambutan Hari Statistik Negara tahun 2021 ialah *“Connecting The World With Data We Can Trust”*.

Jadual 1: Indeks Harga Pengeluar Perkhidmatan (2010=100), Suku Tahun Ketiga 2021

Subsektor	Indeks			Peratus Perubahan %	
	ST3 2020	ST2 2021	ST3 2021	ST3 2021/ ST2 2021	ST3 2021/ ST3 2020
JUMLAH	110.3	110.3	110.5	0.2	0.2
Pengangkutan	105.6	104.2	104.5	0.3	-1.0
Penginapan dan Aktiviti Perkhidmatan Makanan & Minuman	134.4	135.7	135.9	0.1	1.1
Maklumat & Komunikasi	101.1	101.1	101.1	0.0	0.0
Aktiviti Hartanah	126.3	126.6	126.6	0.0	0.2
Profesional	103.7	103.7	103.7	0.0	0.0
Pendidikan	115.4	115.8	115.8	0.0	0.3
Kesihatan	107.0	107.2	107.2	0.0	0.2
Kesenian, Hiburan & Rekreasi	98.8	100.0	99.9	-0.1	1.1

Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

8 NOVEMBER 2021

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Monday, November 8th 2021



**PRIME MINISTER'S DEPARTMENT
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA**

**MEDIA STATEMENT
FOR MALAYSIA SERVICES PRODUCER PRICE INDEX (SPPI)
THIRD QUARTER 2021**

***Services Producer Price Index increased 0.2%
in the Third Quarter of 2021***

PUTRAJAYA, 8 November 2021 – The Services Producer Price Index (SPPI) which measures the average changes in the price of services charged by the local services industry in Malaysia increased 0.2 per cent for third quarter of 2021 to 110.5 as compared to 110.3 in the same quarter of the preceding year. The Department of Statistics, Malaysia released the report on **THE SERVICES PRODUCER PRICE INDEX (SPPI), THIRD QUARTER 2021** today.

In a statement today, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, the Chief Statistician Malaysia said, "The main sub-sectors that showed increases were Accommodation and Food & Beverage Service Activities (1.1%), Arts, Entertainment & Recreation (1.1%), Education (0.3%), Real Estate Activities (0.2%) and Health (0.2%). However, the index for Transportation showed a decrease of 1.0 per cent. Index for Professional and Information & Communication remained unchanged."

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin highlighted, "For a quarter-on-quarter comparison, the SPPI rose by 0.2 per cent. This was driven by two sub-sectors namely Transportation (0.3%) and Accommodation and Food & Beverage Service Activities (0.1%). The index for Arts, Entertainment & Recreation decreased by 0.1 per cent while

the following subsectors remained unchanged namely Information & Communication, Real Estate Activities, Professional, Education and Health.”

The activities of Quality Check (QC) and Post Enumeration Survey (PES) for Malaysia Population and Housing Census 2020 (Malaysia Census 2020) is ongoing in November and December 2021. All Malaysian residents are urged to cooperate with those activities of Malaysia Census 2020. "Your Data is Our Future". Please visit the Malaysia Census 2020 portal at www.mycensus.gov.my or social media @MyCensus2020 for more info.

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20 every year. This declaration recognised the contributions of statisticians and the statistical profession in the country. National Statistics Day can also be celebrated by agencies that produce statistics and users of statistics as well as various levels of the community consisting of government agencies, researchers, universities and schools as well as the general public. The theme of MyStats Day in 2021 is "Connecting The World With Data We Can Trust".

Table 1: Services Producer Price Index (2010=100), Third Quarter 2021

Subsector	Index			Percentage Change %	
	Q3 2020	Q2 2021	Q3 2021	Q3 2021/ Q2 2021	Q3 2021/ Q3 2020
TOTAL	110.3	110.3	110.5	0.2	0.2
Transportation	105.6	104.2	104.5	0.3	-1.0
Accommodation and Food & Beverage Service Activities	134.4	135.7	135.9	0.1	1.1
Information & Communication	101.1	101.1	101.1	0.0	0.0
Real Estate Activities	126.3	126.6	126.6	0.0	0.2
Professional	103.7	103.7	103.7	0.0	0.0
Education	115.4	115.8	115.8	0.0	0.3
Health	107.0	107.2	107.2	0.0	0.2
Arts, Entertainment & Recreation	98.8	100.0	99.9	-0.1	1.1

Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA

DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA

8th NOVEMBER 2021